



PEMBERITAHUAN

KAJIAN P1 WiMAX 2013

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan **Kajian P1 WiMAX 2013** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan WiMAX.

Ini adalah sebahagian daripada penyelidikan SKMM berkaitan penggunaan Internet di Malaysia. Hasil kajian ini akan membantu menambahbaikkan program Internet SKMM melalui peningkatan penggunaan jalur lebar.

Kajian ini akan dijalankan sepenuhnya melalui telefon dan akan bermula pada 23 Februari 2013 sehingga 21 Mac 2013. Pungutan data akan berlangsung dari jam 9:00 pagi hingga jam 5:00 petang pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad kecuali hari-hari kelepasan am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Selangor. Penamatan dan/atau pelanjutan tempoh kajian akan diumumkan pada laman sesawang SKMM: www.skmm.gov.my.

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan tiada aktiviti jual-beli akan berlangsung. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Walaupun penyertaan adalah secara sukarela, kerjasama daripada orang ramai dipohon agar dapat memberikan maklumat yang dikehendaki. Maklumat yang dikumpul tidak akan dihebahkan dan akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan semata-mata.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor
(u/p: Jabatan Statistik)
Tel: +603 86 88 8457
+603 22 72 66 66
Faks: +603 86 88 10 50

www.skmm.gov.my